

# Proses transplan allogeneic



# Allogeneic kaedah transplan popular

**P**AKAR hematologi berperanan merawat atau melakukan penyelidikan terhadap penyakit berkaitan darah. Jumlah mereka kecil berbanding pakar lain di negara ini, namun kepakaran mereka amat penting terutama membantu merawat leukemia.

Mereka antara pakar perubatan yang menggunakan kaedah pemindahan atau transplan untuk merawat pesakit. Biasanya kita hanya mendengar istilah transplan tanpa mengetahui bagaimana ia dilakukan. Pasti ramai beranggapan transplan membabitkan pembedahan kerana ada proses pemindahan.

Pakar Perubatan Hematologi Hospital Pakar Ampang Puteri, Dr Goh Kim Yen, berkata sepanjang 15 tahun merawat pesakit leukemia, rawatan menggunakan transplan sel stem antara kaedah yang selamat dan dapat menyembuhkan pesakit hingga mereka mampu menjalani kehidupan normal.

“Ada tiga kaedah transplan, pertama allogeneic iaitu pemindahan sumber sel yang diperolehi daripada penderma sel yang tidak mempunyai pertalian darah dengan pesakit. Kedua, autologous iaitu sel diperolehi daripada pesakit dan digunakan untuk merawat diri sendiri dan ketiga, syngeneic iaitu sel diperolehi daripada pasangan saudara kembar. Ketiga-tiga kaedah ini sudah lama dipraktikkan di Malaysia,” katanya.

Dr Goh berkata, allogeneic adalah kaedah popular, malah Malaysian Marrow Donor Registry (Pendaftar Penderma Sel Stem Malaysia) amat menggalakkan rakyat mendaftarkan sebagai penderma.



Dr Goh Kim Yen

Ramai penderma diperlukan bagi memudahkan pencarian sel sesuai dengan pesakit.

Sehubungan itu, maklumat genetik penderma disimpan dan hanya dihubungi jika genetik mereka sepadan dengan pesakit. Proses mendapatkan sel stem daripada penderma sama seperti penderma darah.

Apa yang perlu ialah suntikan ubat di bawah pusat untuk mengaktifkan sel stem yang mendapat di dalam sum sum tulang supaya ia masuk ke dalam darah. Kemudian, ia dituras untuk mendapatkan sel stem dan dibekukan dalam tangki nitrogen sebelum digunakan.

“Penderma sel stem tidak seperti penderma organ, sebagai contoh penderma kehilangan organ sebaik didermakan tetapi sebanyak mana pun sel stem didermakan ia tidak memudaratkan penderma malah mereka hidup seperti biasa,” katanya.

Proses sama perlu melalui kaedah autologous dan allogeneic. Bezanya ia membabitkan darah sendiri atau saudara kembar pesakit. Menariknya mengenai rawatan transplan, pesakit mewarisi hampir apa saja yang ada daripada penderma seperti genetik, jenis darah dan daya imunisasi.

Bagaimanapun, Dr Goh mengakui proses rawatan agak teknikal dan sukar kerana ia memerlukan sel asal dalam tulang sum sum pesakit dikosongkan dengan cara memberi dos kemoterapi yang tinggi kepada pesakit. Kekosongan itu membolehkan transplan sel stem dilakukan agar pesakit dapat menerima sel stem yang baru.

“Proses pemindahan tidak mengambil masa lama tetapi pertumbuhan sel stem baru agak lama mungkin sebulan bergantung kepada pesakit. Pertumbuhan lebih cepat bagi pesakit muda. Pesakit hanya dibenar pulang selepas keadaan mereka selamat,” katanya.

Rekod setakat Jun 2009 mencatat 1,503 transplan dilakukan. Allogeneic mencatatkan jumlah tertinggi dengan 1005 kes, diikuti autologous (488) dan syngeneic (10) dalam tempoh terbabit.

Setakat ini, kos rawatan ini dianggarkan antara RM50,000 hingga RM100,000 bergantung kepada komplikasi pesakit.

Pakar Perubatan Hematologi dan Onkologi, Pusat Pengajian Sains Perubatan Hospital Universiti Sains Malaysia (HUSM) Prof Dr Abdul Aziz Baba, berkata setakat ini sel stem darah antara sumber sel stem yang menampakkan kejayaan setanding kadar peratusan pesakit sembuh di negara membangun.